



Wakaf Amanah: Kajian Literatur Sistematis Terhadap Pengiktirafan Wakaf Bersyarat (Muaqqat) dan Impak Terhadap Pengurusan Harta di Malaysia

(Trust Waqf: A Systematic Literature Review on the Recognition of Conditional Waqf (Muaqqat) and its Impact on Property Management in Malaysia)

Ahmad Ikmaluddin Ibrahim¹, Faezy Adenan^{1*}, Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif²,
Wan Noor Hazlina Wan Jusoh³, Mohd Afandi Mat Rani⁴

¹Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Malaysia

²Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Malaysia

³Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Terengganu Kampus Dungun, Sura Hujung, 23000 Dungun, Terengganu, Malaysia

⁴Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Kelantan, Bukit Ilmu, 18500 Machang, Kelantan, Malaysia

ARTICLE INFO

Article history:

Received 18 December 2025

Revised 16 April 2026

Accepted 19 April 2026

Published 21 April 2026

Keywords:

conditional waqf
temporary waqf
trust-based waqf
waqf management
waqf *muaqqat*
wealth management

Katakunci:

wakaf bertempoh
wakaf *muaqqat*
pengurusan wakaf
wakaf amanah,
pengurusan harta
wakaf bersyarat

DOI:

<https://doi.org/10.24191/jcis.v12i1.10>

ABSTRACT

This study explores the concept of conditional *waqf* (*wakaf muaqqat*) as a flexible Islamic wealth management instrument, relevant to the socio-economic needs of contemporary Malaysia. In the context of asset distribution upon death, conditional *waqf* allows a donor to specify terms or conditions for the intended benefit of the *waqf* asset. This approach aligns with the donor's preferences while ensuring broader community impact. However, its implementation across Malaysia remains inconsistent, as most state-level religious authorities adhere to the traditional view of perpetual *waqf*, with limited recognition of conditional or time-bound models. This inconsistency highlights a lack of standardized legal and administrative frameworks to support conditional *waqf*, particularly for cases initiated upon death. Such models have significant potential in sectors like education, healthcare, and microfinance, especially for donors seeking structured posthumous charitable contributions. Adopting a Systematic Literature Review (SLR) method based on the PRISMA approach, this study synthesizes current literature related to conditional *waqf* and trust-based models. The review identifies recurring themes, evaluates legal recognition, and examines the effectiveness of such instruments in practice. Findings indicate that conditional *waqf* initiated upon death can serve as a strategic mechanism for estate planning, especially when designed with proper legal instruments such as trust deeds. However, robust legislative support and administrative clarity are essential to ensure enforceability and compliance with Shariah principles. This study proposes the development of a unified framework for conditional *waqf* upon death to standardize its application nationwide. The implications suggest that such a framework would not only enhance public trust in Islamic philanthropic models but also increase the socio-economic impact of *waqf* in a sustainable

^{1*} Corresponding author. E-mail address: faezyadenan@uitm.edu.my

manner, while honoring the spiritual and legal intentions of Muslim donors.

ABSTRAK

Kajian ini meneroka konsep wakaf bersyarat (*muaqqat*) sebagai instrumen pengurusan harta Islam yang fleksibel dan relevan dalam memenuhi keperluan sosio-ekonomi semasa di Malaysia. Dalam konteks pengagihan harta selepas kematian, wakaf bersyarat membolehkan pewakaf menetapkan syarat atau tempoh tertentu bagi manfaat harta yang diwakafkan, menjadikannya lebih responsif terhadap kehendak pewakaf dan manfaat masyarakat. Walau bagaimanapun, pelaksanaan wakaf bersyarat masih kurang seragam di Malaysia, di mana kebanyakan undang-undang negeri berpegang kepada prinsip wakaf kekal. Kekurangan panduan piawai ini mengakibatkan jurang dalam aplikasi wakaf bersyarat yang berpotensi besar dalam sektor pendidikan, kesihatan, dan kewangan mikro. Kajian ini menggunakan kaedah Ulasan Literatur Sistematis (SLR) berasaskan pendekatan PRISMA untuk mengkaji literatur terkini berkaitan wakaf bersyarat dan amanah, melibatkan analisis kualiti dan kesesuaian tema. Hasil kajian menunjukkan bahawa wakaf bersyarat boleh menjadi mekanisme pengurusan yang berkesan untuk pewakaf di Malaysia, tetapi memerlukan sokongan undang-undang dan pentadbiran yang kukuh. Cadangan kajian ini termasuk pembangunan rangka kerja untuk wakaf bersyarat bagi wakaf selepas kematian, yang dapat memacu pengiktirafan dan pelaksanaannya secara lebih seragam di seluruh negeri. Implikasi kajian menunjukkan bahawa wakaf bersyarat mampu meningkatkan impak sosio-ekonomi yang mampan serta memenuhi hasrat pewakaf dalam menyumbang kepada masyarakat secara berterusan selaras dengan prinsip syariah.

PENGENALAN

Di sebalik warisan yang ditinggalkan, persoalan penting yang perlu diteliti ialah sejauh mana harta yang dimiliki mampu memberikan manfaat berterusan kepada masyarakat dan generasi akan datang. Dalam tradisi Islam, wakaf telah lama diiktiraf sebagai instrumen amal jariah yang menyumbang secara signifikan kepada kesejahteraan sosial (Abdullah, 2019). Namun demikian, dalam persekitaran kontemporari yang semakin kompleks dan dinamik, sistem pengurusan harta pusaka Islam memerlukan penyesuaian dan penambahbaikan bagi memenuhi tuntutan semasa. Dalam konteks ini, konsep wakaf bersyarat atau wakaf *muaqqat* muncul sebagai satu pendekatan yang berpotensi, khususnya kerana ia memberikan fleksibiliti kepada pewakaf dalam menentukan tempoh pemanfaatan harta yang diwakafkan. Pendekatan ini bukan sahaja membolehkan manfaat sementara dioptimumkan, malah membuka ruang kepada inovasi dalam pengurusan harta pusaka di Malaysia.

Wakaf amanah merujuk kepada bentuk wakaf yang dilaksanakan melalui mekanisme amanah, di mana harta pewakaf diserahkan kepada pemegang amanah untuk diurus, diagihkan dan disalurkan manfaatnya kepada penerima yang telah ditetapkan oleh pewakaf semasa hayatnya. Berbeza dengan wakaf tradisional yang berkuat kuasa serta-merta, wakaf amanah hanya terlaksana selepas kematian pewakaf, di samping membolehkan pewakaf terus menggunakan harta tersebut sepanjang hayatnya. Pemegang amanah berperanan memastikan pengurusan harta wakaf dilaksanakan secara berhemat dan selaras dengan niat pewakaf. Konsep ini mempunyai persamaan dengan al-waqf 'ala al-nafs, iaitu bentuk wakaf yang membenarkan pewakaf mengekalkan manfaat harta wakaf untuk dirinya sepanjang hayat sebelum disalurkan kepada tujuan kebajikan selepas kematian (Ab Rahman et al., 2024).

Dalam konteks pengurusan harta selepas kematian, masyarakat Islam lazimnya bergantung kepada instrumen seperti hibah, wasiat dan faraid (Mohd Yusof & Saiman, 2024). Walau bagaimanapun, persoalan yang timbul ialah sejauh mana potensi wakaf bersyarat atau wakaf *muaqqat* telah dimanfaatkan secara optimum dalam kerangka pengurusan harta masa kini. Konsep ini menawarkan

tahap fleksibiliti yang lebih tinggi kepada pewakaf, khususnya dalam menetapkan tempoh manfaat, di samping menyediakan alternatif yang lebih dinamik dan responsif terhadap keperluan semasa. Meskipun wakaf bersyarat diiktiraf dalam beberapa mazhab, pelaksanaannya di Malaysia masih berada pada tahap yang terhad, terutamanya dari sudut wakaf selepas kematian yang belum dilaksanakan secara meluas dalam sistem perundangan sedia ada.

Namun demikian, penelitian terhadap literatur sedia ada menunjukkan bahawa perbincangan mengenai wakaf bersyarat (muaqqat) dan wakaf amanah masih bersifat terpisah serta belum disintesiskan secara sistematik dalam satu kerangka analisis yang menyeluruh. Kajian terdahulu cenderung memberi tumpuan kepada dimensi konseptual atau perundangan secara berasingan, tanpa mengintegrasikan aspek pelaksanaan praktikal, keberkesanan dalam pengurusan harta selepas kematian, serta keserasiannya dengan kerangka perundangan semasa. Lebih penting, isu seperti “lack of standardization” sering dibincangkan dalam literatur, namun tidak dikonseptualisasikan secara jelas sebagai jurang penyelidikan dari sudut akademik, khususnya dalam menilai bagaimana ketidaksepaduan ini mempengaruhi kebolegunaan dan penginstitusian wakaf bersyarat di Malaysia. Sehubungan itu, masih belum terdapat ulasan literatur sistematik yang menilai secara kritikal dan menyeluruh perkembangan, cabaran dan potensi kedua-dua instrumen ini dalam konteks kontemporari. Kekosongan ini menunjukkan wujud keperluan untuk satu pendekatan analisis yang lebih bersepadu dan sistematik dalam menilai peranan wakaf bersyarat dalam kerangka pengurusan harta kontemporari.

Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menjalankan satu ulasan literatur sistematik yang memfokuskan kepada wakaf bersyarat (muaqqat) dan wakaf amanah dalam konteks pengurusan harta selepas kematian. Kajian ini bukan sahaja mensintesis dapatan kajian terdahulu secara berstruktur, tetapi turut mengintegrasikan dimensi konseptual, perundangan dan praktikal bagi memperkukuhkan kefahaman terhadap potensi serta cabaran pelaksanaannya. Melalui pendekatan ini, kajian ini berusaha memberikan sumbangan yang lebih sistematik dan kritikal berbanding kajian terdahulu yang bersifat terpisah dan deskriptif (Ramli et al., 2022). Sehubungan itu, pendekatan ulasan literatur sistematik (*systematic literature review*, SLR) dipilih bagi membolehkan analisis yang lebih tersusun, telus dan komprehensif terhadap kajian-kajian sedia ada. Pendekatan ini membolehkan pengenalpastian pola penemuan, jurang penyelidikan serta arah perkembangan kajian secara lebih sistematik berbanding ulasan literatur tradisional.

METODOLOGI

Preferred Reporting Items for Systematic Reviews and Meta-Analyses (PRISMA) pada asalnya diperkenalkan oleh Moher et al. (2009) dan dikemas kini melalui PRISMA 2020 oleh Page et al. (2021). PRISMA ialah garis panduan pelaporan yang meningkatkan ketelusan dan keboleholungan proses pengenalpastian, saringan, penilaian kelayakan dan pemilihan sumber. Dalam kajian ini, prosedur SLR dibangunkan melalui empat langkah utama, iaitu pembentukan persoalan kajian, strategi pencarian sistematik, penilaian kualiti sumber, serta pengekstrakan dan analisis data. Penggunaan prosedur yang tersusun juga selaras dengan panduan SLR bagi bidang sains sosial (Mohamed Shaffril et al., 2021).

Dalam kajian literatur ini, persoalan kajian memainkan peranan penting dalam Ulasan literatur sistematik (SLR) kerana ia menjadi panduan utama untuk mencapai objektif penyelidikan yang telah ditetapkan. Dua sumber digunakan untuk membentuk persoalan kajian ini; pertama, idea-idea daripada kajian-kajian terdahulu seperti Listiana & Masyita (2020), Sukmana (2020), dan Abdullah (2020), yang kesemuanya berkaitan dengan perundangan dan pelaksanaan wakaf bersyarat (muaqqat) atau wakaf bertempoh di rantau Asia. Kedua, penggunaan mnemonik PICO sebagai kerangka asas dalam pembentukan persoalan kajian telah dirujuk. PICO, yang dibangunkan oleh Lockwood et al. (2015), terdiri daripada tiga elemen utama: ‘P’ (Population atau Populasi), ‘I’ (Interest atau Minat), dan ‘Co’ (Context atau Konteks).

Pembentukan Persoalan Kajian

Dalam konteks kajian ini, 'P' merujuk kepada komuniti Muslim di Malaysia sebagai populasi kajian, 'I' merujuk kepada peranan dan pengiktirafan wakaf bersyarat (*muaqqat*) dan wakaf selepas kematian sebagai fokus utama penyelidikan, dan 'Co' impak terhadap pengurusan harta Islam di Malaysia. Berdasarkan ketiga-tiga elemen ini, penyelidik telah merumuskan persoalan kajian yang tepat untuk SLR ini, iaitu: *Bagaimanakah wakaf selepas kematian (wakaf amanah) berperanan dalam pengurusan harta Islam di Malaysia, dan apakah impaknya terhadap pengurusan harta melalui pengiktirafan wakaf bersyarat (muaqqat)?* Pendekatan PICo ini memastikan persoalan kajian dirangka dengan jelas dan berfokus, memudahkan keseluruhan proses penyelidikan untuk bergerak dengan lebih terarah dan berkesan dalam mencapai objektif yang ditetapkan.

Strategi Pencarian Sistematik

Bagi memastikan pencarian literatur yang menyeluruh, penyelidik telah menjalankan tiga proses utama, iaitu identifikasi, saringan (*screening*), dan kelayakan (*eligibility*). Menurut Mohamed Shaffril et al. (2021) ketiga-tiga langkah ini membolehkan penyelidik mengenal pasti dan mensintesis kajian-kajian yang berkaitan dengan lebih komprehensif. Hasilnya, kajian Ulasan literatur sistematik (SLR) yang dijalankan dapat disusun secara teratur dan telus.

Identifikasi

Bagi memastikan ketelusan dan kebolehulungan (*replicability*) dalam proses pencarian, penyelidik telah membangunkan *search string* yang komprehensif menggunakan gabungan Boolean operator, truncation, dan phrase searching. *Search string* yang digunakan adalah seperti berikut:

("wakaf amanah" OR "trust waqf" OR "waqf trust" OR "waqf amanah") AND ("wakaf bersyarat" OR "waqf muaqqat" OR "temporary waqf" OR "conditional waqf") AND ("pengurusan harta" OR "estate management" OR "Islamic wealth management")

Search string ini diaplikasikan secara konsisten dalam pangkalan data yang dipilih bagi memastikan keseragaman dalam proses pencarian artikel. Mohamed Shaffril et al. (2021) menekankan keperluan untuk menambah kata kunci utama bagi mendapatkan lebih banyak artikel yang relevan untuk SLR. Penyelidik berusaha untuk mengenal pasti sinonim, istilah berkaitan, serta variasi lain bagi kata kunci tersebut untuk memperluaskan lagi cakupan pencarian. Dalam usaha ini, penyelidik telah merujuk kepada pelbagai sumber bagi mengenal pasti kata kunci yang relevan, termasuk semakan terhadap kajian terdahulu, penggunaan thesaurus, serta mendapatkan pandangan pakar dalam bidang berkaitan. Melalui pendekatan ini, penyelidik mengenal pasti beberapa kata kunci tambahan yang signifikan, antaranya wakaf bertempoh, wakaf *muaqqat*, pengurusan wakaf, dan pemegang amanah. Proses identifikasi yang sistematik ini memastikan pencarian literatur dilaksanakan secara menyeluruh dan tepat, seterusnya meningkatkan keberkesanan dalam mengenal pasti artikel yang relevan dengan objektif kajian. Berdasarkan kata kunci yang telah dikenal pasti, pencarian literatur dijalankan menggunakan beberapa pangkalan data utama, iaitu Scopus, ProQuest dan Google Scholar.

Scopus terkenal kerana liputan menyeluruhnya terhadap bahan bacaan ilmiah yang ditinjau oleh pakar dalam pelbagai bidang, menawarkan pangkalan data jurnal berkualiti tinggi yang luas. Ia juga menyediakan alat untuk menganalisis rujukan, membolehkan penyelidik mengesan kesan atau impak penerbitan dan penulis. Sementara itu, ProQuest memberikan akses kepada pelbagai jurnal yang ditinjau pakar, disertasi, dan artikel akademik dalam pelbagai bidang, memastikan pengguna dapat mencari sumber yang boleh dipercayai dan berkualiti tinggi. Akhir sekali, Google Scholar adalah enjin carian percuma yang mengindeks pelbagai bahan ilmiah, termasuk tesis, buku, kertas kerja persidangan, dan artikel dari pelbagai bidang. Penyelidik telah melaksanakan dua teknik pencarian utama dalam kajian ini. Pertama, pencarian manual menggunakan pendekatan *hand picking*, *snowballing*, dan *backward tracking* untuk mengenal pasti artikel yang relevan. Kedua, penyelidik telah membentuk *search string* yang bertujuan meningkatkan peluang mendapatkan jumlah artikel yang lebih baik dan tepat. Pembentukan *search string* ini berasaskan lima fungsi utama, iaitu *Field Code*, *Phrase Searching*, *Truncation*, *Wildcard*, dan *Boolean Operator*. Melalui proses identifikasi

yang dijalankan, penyelidik berjaya mengenal pasti sejumlah 2744 artikel yang berpotensi, yang seterusnya dibawa ke proses saringan (*screening*) untuk penilaian lanjut. Pendekatan ini memastikan setiap artikel yang dikenal pasti melalui pencarian adalah relevan dan berkualiti, selaras dengan objektif kajian.

Saringan

Proses kedua dalam pencarian sistematik ialah saringan (*screening*), di mana penyelidik menetapkan kriteria pemilihan yang khusus bagi memastikan hanya sumber yang relevan dipertimbangkan. Pertama, penerbitan dalam tempoh 2019 hingga 2024 dipilih untuk memfokuskan perkembangan mutakhir. Kedua, jenis penerbitan meliputi artikel jurnal, bab buku akademik dan prosiding persidangan yang mempunyai maklumat penerbitan yang jelas. Ketiga, hanya penerbitan dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris dipilih bagi memastikan ketepatan analisis. Akhir sekali, skop kajian dihadkan kepada rantau Asia selaras dengan objektif kajian. Setelah proses saringan ini dilaksanakan, penyelidik telah menolak sejumlah 2714 artikel yang tidak memenuhi kriteria tersebut, dan 30 artikel yang baki telah dibawa ke fasa seterusnya, iaitu proses kelayakan (*eligibility*) untuk penilaian yang lebih mendalam. Pendekatan ini memastikan bahawa hanya artikel yang benar-benar relevan, terkini, dan berkualiti tinggi akan disertakan dalam kajian ini.

Jadual 1. Kriteria Kemasukan Dan Pengecualian

Kriteria	Kemasukan	Pengecualian
Garis Masa	2019-2024	2018 dan ke bawah
Jenis Dokumen	Artikel jurnal	Artikel ulasan, bab dalam buku, buku, prosiding persidangan, dll.
Bahasa	Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	Bukan Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris
Skop Kajian	Rantau asia	Bukan rantau asia

Sumber: Penulis (2026)

Kelayakan

Bagi memastikan artikel yang terpilih selari dengan persoalan kajian dan objektif yang telah ditetapkan, penyelidik melaksanakan proses kelayakan (*eligibility*). Proses ini memberi tumpuan kepada pembacaan tajuk dan abstrak setiap artikel yang dipilih. Sekiranya diperlukan, penyelidik turut meneliti bahagian lain dalam artikel tersebut untuk mendapatkan pemahaman yang lebih mendalam dan memastikan kesesuaian artikel dengan kajian. Setelah proses kelayakan ini dijalankan, sejumlah 11 artikel telah dikeluarkan kerana tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Artikel yang berbaki, sebanyak 19, kemudiannya dibawa ke proses seterusnya, iaitu penilaian kualiti artikel. Pendekatan ini memastikan hanya artikel yang benar-benar relevan dan berkualiti dibawa ke tahap akhir analisis, seterusnya menyumbang kepada dapatan kajian yang lebih tepat dan bermakna.

Penilaian Kualiti Artikel

Kesemua artikel yang terpilih dalam fasa kelayakan (*eligibility*) telah dinilai kualitinya berdasarkan enam kriteria yang ditetapkan oleh Abouzahra et al. (2020). Kriteria ini merangkumi aspek-aspek penting yang memastikan relevansi dan ketepatan kajian yang dimasukkan. Enam kriteria tersebut adalah:

- QA1. Adakah tujuan kajian dinyatakan dengan jelas?
- QA2. Adakah kepentingan dan kegunaan kajian ini dihuraikan dengan terang?
- QA3. Adakah metodologi kajian dijelaskan dengan terperinci?
- QA4. Adakah konsep pendekatan kajian dijelaskan dengan jelas?
- QA5. Adakah hasil kajian dibandingkan dan diukur dengan kajian serupa yang lain?

QA6. Adakah keterbatasan kajian dinyatakan dengan jelas?

Proses penilaian telah dijalankan oleh penyelidik utama dengan bantuan dua penyelidik bersama. Setiap penilai menilai kesemua 19 artikel secara berasingan sebelum ketiga-tiga penilai bertemu untuk membandingkan hasil penilaian mereka. Bagi setiap kriteria, penilai mempunyai tiga pilihan jawapan: "Ya" (1.0 markah), "Sebahagiannya" (0.5 markah), dan "Tidak" (tiada markah). Mengikut Abouzahra et al. (2020), hanya artikel yang memperoleh markah minimum 3.0 dan ke atas dipilih untuk dimasukkan dalam SLR ini. Hasil daripada proses penilaian menunjukkan bahawa sejumlah 19 artikel mencapai markah minimum yang diperlukan, dan artikel-artikel tersebut telah dibawa ke fasa seterusnya, iaitu proses pengestrakan data dan analisis.

Jadual 2. Keputusan Penilaian Kualiti Artikel


Sumber	Kaedah Kajian	Q1	Q2	Q3	Q4	Q5	Q6	Bil Kriteria dipenuhi
Ulum (2024)	QL	/	/	/	/	X	/	5/6
Rochani & Puspitasari (2022)	QL	/	/	/	/	X	X	4/6
Soleh Ali Alfakir et al. (2019)	QL	/	/	/	/	X	/	5/6
Sukmana (2020)	QL	/	X	/	/	X	/	4/6
Azrai Azaimi Ambrose & Abdullah Asuhaimi (2021)	QL	/	/	/	/	X	/	5/6
Khan et al. (2022)	MX	/	/	/	/	/	/	6/6
Abdullah (2020)	QL	/	/	/	/	X	/	5/6
Thabith & Mohamad (2021)	QL	/	/	/	/	X	/	5/6
Mohaiyadin et al. (2022)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Mohamad et al. (2021)	QL	/	/	/	/	X	/	5/6
Listiana & Masyita (2020)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Ab Rahman et al. (2024)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Khalil et al. (2020)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Solichin (2022)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Jafri & Mohd Noor (2019)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Azrai Azaimi Ambrose & Peredaryenko (2022)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Badlihisham & Md Salleh (2024)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6
Mahmud et al. (2023)	QL	/	/	/	/	/	/	6/6

Sumber: QL=Qualitative; MX=Mixed-Method

Sumber: Penulis (2026)

Pengekstrakan Data dan Analisis

Kaedah SLR ini menggunakan pendekatan analisis tematik sebagai kaedah utama dalam proses analisis data. Tema-tema utama dalam kajian ini dibangunkan melalui proses pengekodan berulang (iterative coding) berasaskan pendekatan analisis tematik yang dicadangkan oleh Braun dan Clarke (2006).



Rajah 1. Aliran Proses Pencarian
Sumber: Penulis (2026)

Proses ini melibatkan beberapa fasa utama, iaitu pembiasaan dengan data, penjaan kod awal, pengelompokan kod kepada tema yang lebih luas, serta semakan dan pemurnian tema bagi memastikan keseragaman dan ketepatan dapatan. Pendekatan ini membolehkan penyelidik mengenal pasti pola makna yang signifikan merentas kajian, seterusnya menghasilkan sintesis tematik yang lebih tersusun dan analitik. Dalam kajian ini, analisis dilakukan secara kombinasi antara pendekatan deduktif dan induktif, di mana tema awal dibentuk berdasarkan kerangka kajian, di samping membenarkan tema baharu muncul daripada data yang dianalisis. Pendekatan ini memastikan dapatan kajian lebih komprehensif dan mencerminkan keseluruhan landskap literatur yang dikaji. Bagi proses penentuan tema, penyelidik telah merujuk kepada literatur sedia ada serta kajian terdahulu yang berkaitan (contohnya Fajar et al., 2022) sebagai asas dalam membangunkan kerangka tema awal. Daripada proses ini, sejumlah lima tema utama telah dikenal pasti.

Dalam proses pengesahan dan validasi tema, penyelidik bersama penyelia telah menilai dan meneliti setiap tema secara sistematik bagi memastikan kesesuaian dan kerelevanannya dengan objektif serta persoalan kajian. Sebarang tema yang didapati kurang sesuai akan diperbaiki atau disingkirkan bagi memastikan keselarasan analisis. Seterusnya, proses pengekstrakan data dijalankan berdasarkan tema yang telah ditetapkan, dengan memberi tumpuan khusus kepada bahagian hasil dan perbincangan dalam artikel yang dikaji. Proses akhir melibatkan pelaporan dapatan dalam bentuk sintesis tematik yang disusun secara sistematik dalam bahagian hasil kajian.

Jadual 3. Hasil Kajian

Penulis/ tema	Konsep Wakaf Bersyarat	Wakaf bersyarat atau wakaf bertempoh	Keperluan terhadap wakaf bersyarat (<i>muaqqat</i>) pada masa kini	Wakaf bersyarat yang terlaksana selepas kematian pewakaf	Impak wakaf bersyarat (<i>muaqqat</i>) terhadap pengurusan harta
Ulum (2024)					/
Rochani & Puspitasari (2022)	/	/			
Nor et al (2019)	/				
Sukmana (2020)			/		/
Azrai Azaimi Ambrose, A. H., & Abdullah Asuhaimi, F. (2021)			/		
Khan et al (2022)					/
Abdullah, M. (2020).					
Thabith & Mohamad, (2021)		/			
Nofianti et al (2024)					/
Ismon & Hingun (2021)	/				/
Listiana & Masyita (2020)					/
Ab Rahman et al, 2024	/	/	/		/
Khalil et al (2020)		/			
Mohamad & Adnan (2024)			/		/
Ab Rahman et al, 2020					
Jafri & Noor (2019).					/
Ambrose & Peredaryenko,(2022)			/		
Fajar et al (2022)				/	
Mahmud et al, (2023)				/	

Sumber: Penulis (2026)

HASIL KAJIAN


Latar Belakang Kajian Yang Dipilih

Daripada 19 sumber yang dianalisis, majoriti memberi tumpuan kepada Malaysia dan Indonesia, di samping beberapa kajian dari India, Sri Lanka serta kajian serantau (Abdullah, 2020; Listiana & Masyita, 2020; Thabith & Mohamad, 2021; Ab Rahman et al., 2024; Ulum, 2024). Pola ini menunjukkan bahawa penyelidikan berkaitan wakaf bersyarat dan wakaf amanah masih tertumpu pada konteks Asia, khususnya Asia Tenggara. Walau bagaimanapun, tumpuan geografi yang terhad ini menunjukkan keperluan kepada lebih banyak kajian perbandingan rentas negara bagi memahami variasi pelaksanaan wakaf dalam konteks yang berbeza. Dari sudut metodologi, hampir keseluruhan sumber menggunakan pendekatan kualitatif atau konseptual dalam menganalisis isu pengurusan dan pelaksanaan wakaf (Soleh Ali Alfakir et al., 2019; Mohamad et al., 2021; Solichin, 2022; Mohamad & Adnan, 2024; Mahmud et al., 2023), manakala Khan et al. (2022) menggunakan data empirikal berkaitan penderma wakaf tunai. Pola ini menunjukkan dominasi analisis hukum, struktur institusi dan kerangka perundangan. Kergantungan yang tinggi terhadap pendekatan kualitatif seterusnya mewujudkan jurang dari segi penilaian kuantitatif, pengukuran impak dan generalisasi dapatan.

Selain itu, analisis terhadap tahun penerbitan menunjukkan peningkatan ketara dalam jumlah kajian selepas tahun 2020, dengan sumbangan berterusan sehingga tahun 2024 (Khalil et al., 2020;


Azrai Azaimi Ambrose & Peredaryenko, 2022; Mahmud et al., 2023; Ab Rahman et al., 2024). Trend ini mencerminkan peningkatan kesadaran terhadap kepentingan wakaf sebagai instrumen pengurusan harta kontemporari. Namun demikian, walaupun terdapat peningkatan dari segi kuantiti kajian, kandungan penyelidikan masih menunjukkan kecenderungan untuk mengulangi tema yang sama tanpa menawarkan pendekatan analisis yang lebih integratif. Terdapat juga ketidakseimbangan dalam fokus kajian, di mana sebahagian kajian memberi penekanan kepada aspek perundangan, manakala kajian lain lebih menumpukan kepada pelaksanaan praktikal, tanpa usaha menghubungkan kedua-dua dimensi tersebut secara menyeluruh. Secara keseluruhannya, dapatan ini menunjukkan bahawa literatur berkaitan wakaf bersyarat dan wakaf amanah masih berada pada tahap perkembangan yang belum matang sepenuhnya. Walaupun terdapat pola kajian yang semakin berkembang, masih wujud jurang ketara dari segi kepelbagaian metodologi, keluasan konteks kajian, serta integrasi antara dimensi teori dan aplikasi praktikal. Jurang ini menekankan keperluan kepada pendekatan penyelidikan yang lebih menyeluruh dan sistematik bagi memperkukuhkan kefahaman terhadap potensi sebenar instrumen wakaf dalam pengurusan harta selepas kematian.

Rajah 2. Negara-Negara Tempat Kajian Terpilih Dilaksanakan



Sumber: Penulis (2026)

Rajah 3. Reka Bentuk Kajian bagi Kajian Terpilih



Sumber: Penulis (2026)

Konsep Wakaf Bersyarat

Konsep wakaf bersyarat atau *wakaf muaqqat* merujuk kepada wakaf yang dilaksanakan dengan syarat tertentu yang ditetapkan oleh pewakaf, seperti tempoh masa atau tujuan penggunaan yang spesifik. Dalam literatur fiqh, terdapat perbezaan pandangan mengenai kesahihan wakaf jenis ini. Sebahagian fuqaha, khususnya dalam mazhab Shafi'i dan Hanbali, menegaskan bahawa unsur kekekalan merupakan syarat penting wakaf, lalu mempertikaikan kesahan wakaf bertempoh (Solichin, 2022; Soleh Ali Alfakir et al., 2019). Sebaliknya, Mazhab Maliki dan sebahagian pandangan dalam Mazhab Hanafi menerima wakaf bertempoh dengan menafsirkan konsep kekekalan secara relatif (*al-dawam al-nisbi*), bukan semata-mata secara mutlak (*al-abadi*).

Pendekatan ini membolehkan wakaf disesuaikan dengan keperluan semasa tanpa menjejaskan fungsi kebajikannya (Solichin, 2022; Ab Rahman et al., 2024). Percanggahan ini menunjukkan bahawa konsep wakaf bersyarat bukan sahaja melibatkan isu hukum, tetapi turut berkaitan dengan interpretasi terhadap fungsi sosial wakaf dalam konteks yang berubah. Walau bagaimanapun, kebanyakan kajian masih membincangkan isu ini secara normatif tanpa menghubungkannya dengan

implikasi praktikal dalam pengurusan harta selepas kematian. Hal ini mewujudkan jurang antara perbahasan fiqh dan aplikasi sebenar dalam sistem perundangan moden.

Wakaf Bersyarat atau Wakaf Bertempoh

Wakaf bersyarat dan wakaf bertempoh merujuk kepada *wakaf mu'awqqat* atau wakaf sementara, iaitu harta wakaf disediakan untuk tempoh tertentu atau tertakluk kepada syarat yang ditetapkan oleh pewakaf (Thabith & Mohamad, 2021; Khalil et al., 2020). Pewakaf boleh menentukan tempoh pemanfaatan harta tersebut dan kaedah pelupusan atau pengembaliannya selepas tempoh berakhir. Oleh sebab itu, kesahihan wakaf bertempoh menjadi antara perkara yang diperdebatkan dalam fiqh wakaf. *Shari'ah Standard No. 33* yang dikeluarkan oleh Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions (AAOIFI) mengiktiraf wakaf bertempoh dan manfaat sementara (*usufruct*) sebagai bentuk yang boleh diterima tertakluk kepada syarat syariah yang berkaitan (AAOIFI, 2022; Ab Rahman et al., 2024). Pengiktirafan ini menyediakan asas institusi bagi penerapan wakaf bertempoh dalam pengurusan harta kontemporari.

Dalam konteks mazhab, mazhab Maliki memberikan penerimaan yang paling jelas terhadap wakaf bertempoh kerana prinsipnya membenarkan penetapan tempoh dan pengembalian harta selepas tempoh tersebut berakhir. Sebahagian pandangan Hanafi juga menyediakan ruang tertentu untuk pendekatan yang lebih fleksibel. Penerimaan ini didasarkan pada keupayaan wakaf bertempoh memenuhi keperluan semasa dan memperluas manfaat kepada masyarakat (Ab Rahman et al., 2024; Solichin, 2022). Sebaliknya, pandangan dominan dalam mazhab Shafi'i dan Hanbali lebih menekankan prinsip kekekalan harta wakaf. Menurut pendekatan ini, wakaf yang ditetapkan untuk tempoh tertentu dianggap tidak memenuhi elemen kekekalan yang menjadi asas kepada wakaf. Perbezaan pandangan tersebut mencerminkan dua pendekatan utama, iaitu pendekatan fleksibel yang menilai manfaat dan keperluan semasa, serta pendekatan yang mengekalkan syarat kekekalan secara lebih ketat (Soleh Ali Alfakir et al., 2019; Solichin, 2022).

Keperluan Terhadap Wakaf Bersyarat (*Muaqqat*) Pada Masa Kini

Pada masa kini, wakaf bersyarat (*muaqqat*) semakin diterima sebagai salah satu instrumen wakaf yang penting, terutamanya di Indonesia. Dahulu, wakaf tunai tidak diiktiraf sebagai bentuk wakaf yang sah, memandangkan undang-undang menuntut agar wakaf tanah bersifat kekal. Namun begitu, perubahan zaman telah membawa kepada revolusi dalam undang-undang wakaf di Indonesia, yang kini mengiktiraf wakaf bertempoh sebagai jenis wakaf yang dibenarkan. Aset seperti tunai kini boleh diwakafkan untuk tempoh tertentu, memberikan peluang untuk mengurus wakaf dengan lebih fleksibel, berbanding tanah yang mesti bersifat kekal (Sukmana, 2020). Penerimaan terhadap wakaf *muaqqat* ini mencerminkan tuntutan semasa yang memerlukan pengurusan wakaf yang lebih adaptif dan responsif terhadap keperluan masyarakat. Wakaf ini membenarkan pewakaf untuk menetapkan syarat-syarat tertentu, sama ada berkaitan tempoh masa atau kumpulan penerima manfaat yang spesifik. Fleksibiliti ini bukan sahaja memanfaatkan pewakaf, tetapi juga penerima wakaf yang boleh menikmati manfaat wakaf dalam tempoh masa yang ditetapkan, terutamanya bagi projek-projek jangka pendek yang memenuhi keperluan segera masyarakat (Ab Rahman et al., 2024; Mohamad & Adnan, 2024).

Tambahan pula, pendekatan wakaf *muaqqat* dianggap sebagai salah satu inovasi penting dalam pengurusan wakaf pada masa kini. Ia bukan sahaja meningkatkan nilai tambah terhadap wakaf, tetapi juga mempercepatkan aliran pendanaan wakaf, sekaligus memanfaatkan lebih ramai masyarakat Islam yang memerlukan. Ini menjadikan wakaf *muaqqat* sebagai instrumen relevan dan praktikal dalam memenuhi tuntutan sosial dan ekonomi yang dinamik (Azrai Azaimi Ambrose & Peredaryenko, 2022; Azrai Azaimi Ambrose & Abdullah Asuhaimi, 2021; Abdullah, 2020).

Keperluan terhadap Wakaf Bersyarat (*Muaqqat*) Selepas Kematian Pewakaf

Wakaf bersyarat (*muaqqat*) yang terlaksana selepas kematian pewakaf merujuk kepada satu bentuk wakaf di mana pewakaf menetapkan syarat tertentu ke atas harta wakaf, termasuk tempoh

penggunaannya, dengan pelaksanaan hanya berkuat kuasa selepas kematian. Dalam konteks ini, harta wakaf tidak serta-merta digunakan untuk tujuan kebajikan, sebaliknya manfaatnya dikekalkan oleh pewakaf sepanjang hayat sebelum disalurkan kepada penerima manfaat yang telah ditetapkan. Salah satu konsep yang berkaitan ialah *waqf 'ala al-nafs* (وقف على النفس), iaitu pewakaf mengekalkan manfaat atau pendapatan daripada harta wakaf sepanjang hayatnya sebelum manfaat tersebut dialihkan kepada tujuan kebajikan selepas kematian (Ab Rahman et al., 2024; Mohamad et al., 2021). Pendekatan ini menunjukkan bahawa wakaf bersyarat bukan sahaja memenuhi fungsi kebajikan, tetapi turut mengambil kira keperluan pewakaf semasa hayatnya.

Dari sudut hukum, mazhab Maliki membenarkan wakaf bersyarat atau *muaqqat*, termasuk penetapan tempoh yang khusus dan pengembalian harta selepas tempoh berakhir (Solichin, 2022). AAOIFI (2022) turut mengiktiraf wakaf bertempoh sebagai struktur yang sah tertakluk kepada syarat syariah. Dalam konteks amanah persendirian Islam di Malaysia, Mahmud et al. (2023) membincangkan realisasi *wakaf muaqqat* melalui struktur amanah sebagai satu mekanisme perancangan harta yang menghubungkan prinsip wakaf dengan kerangka undang-undang amanah. Berdasarkan perkembangan ini, wakaf bersyarat selepas kematian pewakaf dilihat memenuhi keperluan praktikal dan perundangan dalam pengurusan harta moden. Pendekatan ini membolehkan pewakaf mengekalkan manfaat harta sepanjang hayat, sebelum manfaat tersebut disalurkan kepada kebajikan selepas kematian. Dari perspektif Maqasid Syariah, pendekatan ini menyumbang kepada pemeliharaan harta (*hifz al-māl*) serta memastikan pengagihan manfaat yang lebih seimbang antara kepentingan individu dan masyarakat.

Secara keseluruhannya, wakaf bersyarat selepas kematian pewakaf berpotensi menjadi instrumen yang lebih adaptif dalam perancangan harta Islam. Namun, keberkesanan pelaksanaannya bergantung kepada kejelasan kerangka perundangan, keseragaman tafsiran hukum, serta pembangunan model pelaksanaan yang sistematik. Oleh itu, kajian ini menekankan keperluan untuk membangunkan satu model wakaf yang lebih berstruktur dan selaras dengan kehendak pewakaf, bagi memastikan manfaat wakaf dapat disalurkan secara berterusan dan berimpak tinggi kepada masyarakat.

Impak Wakaf Bersyarat (*Muaqqat*) terhadap Pengurusan Harta Kontemporari

Impak wakaf bersyarat (*muaqqat*) terhadap pengurusan harta dapat dilihat melalui keupayaannya memperkaya pendekatan pembiayaan dan memenuhi keperluan ekonomi semasa. Secara umumnya, wakaf bertempoh merupakan instrumen yang fleksibel kerana tempoh penggunaan dana boleh disesuaikan dengan keperluan tertentu (Ulum, 2024). Pendekatan ini membuka ruang kepada inovasi kewangan, tadbir urus digital dan pembiayaan sosial dalam sektor mikro-kewangan, pendidikan serta kesihatan (Sukmana, 2020; Listiana & Masyita, 2020; Mohaiyadin et al., 2022; Mohamad et al., 2021). Dalam konteks pelaksanaan, pengalaman di Indonesia menunjukkan bahawa pengiktirafan wakaf bertempoh dalam kerangka perundangan telah membolehkan pembangunan projek berskala besar yang memberi impak langsung kepada masyarakat. Sebagai contoh, projek wakaf pertanian oleh Badan Wakaf Indonesia (BWI) telah berjaya meningkatkan pengeluaran pertanian, menyediakan peluang pekerjaan, serta memberi manfaat kepada komuniti setempat (Listiana & Masyita, 2020). Dapatan ini mencerminkan keberkesanan wakaf bertempoh sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi apabila disokong oleh persekitaran institusi yang kondusif.

Walau bagaimanapun, impak ini tidak seragam merentas negara. Di Malaysia, walaupun terdapat perkembangan dalam perundangan dan penglibatan institusi seperti Majlis Agama Islam Negeri (MAIN), JAWHAR dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), pelaksanaan wakaf masih berdepan cabaran ketidaksepaduan perundangan antara negeri serta kekurangan garis panduan yang khusus (Mohamad & Adnan, 2024; Baharudin & Bahri, 2023; Khan et al., 2022). Selain itu, kekurangan maklumat berkaitan keberkesanan jangka panjang dan impak sebenar kepada penerima manfaat menunjukkan wujudnya jurang dalam penilaian empirikal terhadap pelaksanaan wakaf. Percanggahan ini menunjukkan bahawa keberkesanan wakaf bersyarat bukan sahaja bergantung kepada kesahihan hukum, tetapi turut dipengaruhi oleh faktor institusi dan tadbir urus. Dari perspektif teori, dapatan ini selari dengan kerangka Maqasid al-Shariah, khususnya dalam aspek pemeliharaan harta (*hifz al-māl*), di mana wakaf bertempoh berpotensi mengoptimumkan manfaat harta secara lebih fleksibel tanpa

menjelaskan kepentingan pewakaf. Namun demikian, tanpa sokongan kerangka tadbir urus yang jelas dan seragam, potensi ini sukar direalisasikan secara menyeluruh.

Secara keseluruhannya, literatur sedia ada menunjukkan bahawa wakaf bersyarat mempunyai potensi sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi, namun keberkesanannya masih memerlukan pengesahan empirikal lanjut. Namun, potensi ini masih belum dimanfaatkan sepenuhnya disebabkan oleh kekangan dari segi perundangan, kekurangan data empirikal, serta ketiadaan model pelaksanaan yang komprehensif. Oleh itu, pengukuhan kerangka perundangan dan tadbir urus, serta pembangunan model pelaksanaan yang sistematik, adalah penting bagi memastikan wakaf bersyarat dapat berfungsi secara lebih efektif dalam menyokong pembangunan ekonomi dan kesejahteraan sosial.

PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan objektif pertama, kajian ini menilai hukum wakaf bersyarat dengan merujuk pandangan mazhab utama serta piawaian syariah kontemporari. Pandangan dominan dalam Mazhab Shafi'i dan Hanbali menekankan unsur kekekalan sebagai syarat penting wakaf, manakala Mazhab Maliki dan sebahagian pandangan Hanafi menerima penetapan tempoh tertentu berdasarkan tafsiran kekekalan yang lebih relatif (Soleh Ali Alfakir et al., 2019; Solichin, 2022; Ab Rahman et al., 2024). Perbezaan ini memperlihatkan ruang ijtihad dalam menyesuaikan wakaf dengan keperluan semasa tanpa mengabaikan tujuan kebajikannya. Penilaian terhadap kesahihan wakaf bersyarat turut diperkukuh oleh *Shari'ah Standard No. 33* yang dikeluarkan oleh AAOIFI. Standard tersebut mengiktiraf wakaf bertempoh dan manfaat sementara (*usufruct*) sebagai subjek wakaf yang sah tertakluk kepada syarat berkaitan (AAOIFI, 2022). Pengiktirafan ini memberikan asas kontemporari bagi pengurusan wakaf yang lebih fleksibel, khususnya apabila tempoh, penerima manfaat dan kaedah pengurusan ditentukan dengan jelas.

Berdasarkan objektif kedua, kajian ini menganalisis bagaimana wakaf bersyarat menyokong pengurusan harta pusaka dengan fleksibiliti yang lebih tinggi di Malaysia, yang berpotensi memenuhi hasrat pewakaf untuk berbakti kepada masyarakat walaupun selepas kematian mereka. Wakaf bersyarat membolehkan pewakaf menetapkan syarat tempoh atau tujuan khusus untuk harta yang diwakafkan, menjadikannya ideal untuk menyokong projek-projek kebajikan jangka pendek yang memenuhi keperluan mendesak, termasuk dalam sektor kesihatan, pendidikan, dan mikro-kewangan (Ab Rahman et al., 2024; Mohamad & Adnan, 2024). Tambahan pula, peranan institusi seperti Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) amat penting dalam menyediakan persekitaran perundangan yang kondusif dan sokongan kewangan yang mencukupi untuk memastikan pelaksanaan wakaf bersyarat dapat dijalankan dengan berkesan. Sejak penubuhan JAWHAR pada tahun 2004 dan YWM pada 2008, pelbagai inisiatif telah dijalankan, termasuk kerjasama dengan institusi kewangan Islam untuk memperkukuhkan dana wakaf, sekali gus memperlihatkan komitmen kerajaan dalam membangunkan sektor ini (Listiana & Masyita, 2020; Sukmana, 2020). Dengan sokongan kerajaan yang kukuh, wakaf bersyarat di Malaysia dapat diperkasakan untuk menyokong pembangunan sosioekonomi secara lebih efektif dan menyeluruh, selaras dengan matlamat kebajikan pewakaf.

Tinjauan terhadap undang-undang wakaf bersyarat di negeri-negeri Malaysia menunjukkan bahawa penerimaannya masih tidak seragam. Struktur pentadbiran wakaf yang terletak di bawah bidang kuasa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) menyebabkan dasar dan amalan berbeza antara negeri. Sebahagian negeri telah menyediakan ruang bagi wakaf bertempoh, manakala negeri lain masih memberi penekanan kepada wakaf kekal (Mohamad & Adnan, 2024). Perbezaan ini turut berkaitan dengan tafsiran fiqh yang digunakan serta keupayaan pentadbiran setiap negeri untuk mengadaptasi bentuk wakaf baharu (Ab Rahman et al., 2024; Mohamad et al., 2021). Namun begitu, usaha penylarasan undang-undang wakaf antara negeri sukar dicapai, pendekatan yang lebih praktikal boleh dipertimbangkan untuk memperkukuh pelaksanaan wakaf bersyarat di Malaysia. Antara cadangan yang relevan ialah pengenalan rangka kerja piawai nasional untuk wakaf bersyarat yang berfungsi sebagai panduan fleksibel bagi setiap negeri. Selain itu, kerajaan boleh menawarkan insentif kewangan kepada negeri yang menggalakkan wakaf bersyarat serta membangunkan modul latihan untuk pegawai wakaf, mempertingkatkan kemahiran dan pengetahuan dalam pentadbiran

wakaf bersyarat. Kerjasama dengan institusi kewangan Islam untuk projek perintis dan penubuhan platform digital wakaf nasional juga boleh membantu meningkatkan kesedaran dan keterlibatan masyarakat. Di samping itu, seminar tahunan atau kajian kolaboratif antara Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) dapat membantu negeri-negeri berkongsi amalan terbaik, menjadikan wakaf bersyarat lebih praktikal dan relevan tanpa memerlukan penyelarasan undang-undang penuh.

Akhir sekali, relevansi wakaf bersyarat yang terlaksana selepas kematian pewakaf (wakaf amanah), kesedaran semakin meningkat dalam kalangan masyarakat yang kini melihatnya sebagai mekanisme efektif dalam pengurusan harta pusaka. Permintaan terhadap wakaf selepas kematian ini mencerminkan keinginan pewakaf untuk memastikan harta mereka memberi manfaat berterusan kepada penerima selari dengan prinsip masalah dan maqasid Syariah yang menekankan kebajikan masyarakat. Wakaf bersyarat ini membolehkan pewakaf menetapkan syarat tertentu, seperti tempoh masa penggunaan atau golongan penerima manfaat, yang memberikan fleksibiliti lebih tinggi dalam pengurusan harta dan membolehkan pewakaf mengekalkan manfaat harta tersebut semasa hidup sebelum dialihkan kepada tujuan kebajikan selepas kematian. Maka, pentingnya sokongan dan bimbingan daripada institusi seperti Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) dan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM), wakaf amanah berpotensi untuk memenuhi keperluan masyarakat yang inginkan cara yang lebih fleksibel dalam perancangan harta. Justeru, keperluan untuk membina satu model pelaksanaan wakaf amanah yang komprehensif adalah semakin mendesak, terutama untuk memastikan kepatuhan kepada undang-undang syariah sambil menepati kehendak pewakaf. Model ini bukan sahaja dapat menyokong pengurusan harta pusaka dengan lebih sistematik, tetapi juga membantu memudahkan pewakaf dalam merancang pewakafan yang berimpak tinggi dan berkekalan, selari dengan tujuan utama wakaf untuk memenuhi kebajikan jangka panjang dalam masyarakat.

IMPLIKASI, JURANG PENYELIDIKAN DAN CADANGAN UNTUK KAJIAN MASA DEPAN

Hasil kajian ini memberikan lima implikasi penting dalam konteks wakaf bersyarat (*muaqqat*) dan wakaf amanah. Pertama, konsep wakaf bersyarat menunjukkan potensi besar sebagai instrumen pengurusan harta yang fleksibel dan dinamik. Pelaksanaannya mampu menyelesaikan isu pengurusan harta pusaka yang kompleks, terutama dalam memenuhi keperluan pewakaf untuk memastikan harta mereka dimanfaatkan dengan cekap (Sukmana, 2020; Ab Rahman et al., 2024). Kedua, wakaf bersyarat dapat mengisi jurang dalam sistem pengurusan harta Islam semasa, dengan menawarkan mekanisme perancangan harta yang lebih responsif terhadap perubahan keperluan masyarakat moden (Listiana & Masyita, 2020). Ketiga, penerapan wakaf amanah membuka ruang inovasi dalam sektor kewangan Islam, terutamanya dalam membiayai projek sosial seperti pendidikan dan kesihatan, sekali gus mengurangkan beban kewangan kerajaan (Azrai Azaimi Ambrose & Peredaryenko, 2022). Keempat, sokongan institusi seperti Jabatan Wakaf, Zakat, dan Haji (JAWHAR) serta Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) penting untuk meningkatkan kesedaran dan mempermudah pelaksanaan wakaf bersyarat, sementara kerajaan boleh memperkukuh kerangka perundangan untuk memastikan keberkesannya (Khan et al., 2022). Kelima, kesedaran masyarakat terhadap potensi wakaf bersyarat yang lebih fleksibel dapat meningkatkan penyertaan dan keterlibatan dalam inisiatif wakaf, seterusnya menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi secara menyeluruh (Mohamad & Adnan, 2024).

Namun, kajian ini juga mendedahkan beberapa jurang penyelidikan. Pertama, terdapat kekurangan kajian empirikal yang mendalam mengenai keberkesanan wakaf bersyarat dalam konteks Malaysia, khususnya berkaitan impak jangka panjangnya terhadap pengurusan harta (Soleh Ali Alfakir et al., 2019). Kedua, penilaian perbandingan perundangan antara negeri masih belum mencukupi, yang mengakibatkan variasi dalam pelaksanaannya (Mohamad & Adnan, 2024). Ketiga, panduan praktikal yang seragam bagi pengurusan wakaf selepas kematian masih terbatas (Solichin, 2022; Ab Rahman et al., 2024). Keempat, potensi wakaf bersyarat dalam menyokong instrumen kewangan Islam seperti sukuk masih belum diteroka sepenuhnya (Listiana & Masyita, 2020; Sukmana, 2020). Kelima, kajian mengenai kesedaran dan penerimaan masyarakat terhadap wakaf bertempoh masih terhad (Badlihasham & Md Salleh, 2024; Khan et al., 2022).

Bagi menangani jurang tersebut, kajian masa depan boleh difokuskan kepada beberapa aspek. Pertama, kajian kuantitatif dan kualitatif yang lebih komprehensif diperlukan untuk menilai

keberkesanan dan impak sosial wakaf bersyarat dalam konteks tempatan (Abdullah, 2020). Kedua, penyelidikan perbandingan undang-undang antara negeri dapat membantu menghasilkan model perundangan yang lebih seragam dan praktikal (Mohamad & Adnan, 2024). Ketiga, panduan pelaksanaan wakaf bersyarat pada peringkat nasional perlu dibangunkan bagi meminimumkan kekeliruan (Ab Rahman et al., 2024; Solichin, 2022). Keempat, integrasi wakaf bersyarat dengan produk kewangan Islam lain, seperti sukuk, boleh membuka peluang baharu dalam pembangunan ekonomi Islam (AAOIFI, 2022; Sukmana, 2020). Kelima, penyelidikan tentang penerimaan masyarakat perlu diperkukuh bagi memastikan pelaksanaannya dapat diterima dan dimanfaatkan secara meluas (Badlihisam & Md Salleh, 2024; Khan et al., 2022). Pendekatan ini bukan sahaja akan menyumbang kepada pembangunan akademik dalam bidang wakaf, tetapi juga memberi kesan praktikal kepada pewakaf, institusi pengurusan wakaf, dan masyarakat, menjadikan wakaf bersyarat sebagai instrumen pengurusan harta yang relevan dan berimpak tinggi.

KESIMPULAN

Kajian ini menghasilkan analisis mengenai konsep wakaf bersyarat (*muaqqat*) sebagai pendekatan inovatif dalam pengurusan harta Islam, khususnya dalam konteks pengagihan harta selepas kematian pewakaf. Wakaf bersyarat menawarkan fleksibiliti kepada pewakaf untuk menetapkan syarat atau tempoh penggunaan harta, menjadikannya relevan dalam persekitaran sosioekonomi yang memerlukan mekanisme pengurusan harta yang lebih adaptif (Soleh Ali Alfakir et al., 2019; AAOIFI, 2022). Melalui ulasan literatur yang sistematik, kajian ini menyerlahkan pelbagai pandangan dalam fiqh Islam. Mazhab Maliki dan sebahagian pandangan Hanafi menyokong wakaf bertempoh dalam keadaan tertentu, manakala pandangan dominan dalam mazhab Shafi'i dan Hanbali lebih menekankan prinsip kekekalan wakaf (Ab Rahman et al., 2024; Solichin, 2022). Wakaf bersyarat, termasuk wakaf selepas kematian atau wakaf amanah, berpotensi melanjutkan amal jariah pewakaf dan memenuhi keperluan masyarakat dalam bidang pendidikan, kesihatan dan pembiayaan sosial (Ab Rahman et al., 2024; Mohamad & Adnan, 2024).

Namun, kajian ini turut mengenal pasti kelemahan dalam sistem perundangan wakaf di Malaysia, khususnya perbezaan dasar dan pelaksanaan antara negeri. Jurang ini menunjukkan keperluan untuk membangunkan rangka kerja piawai nasional bagi wakaf selepas kematian yang boleh meningkatkan keseragaman tanpa mengetepikan bidang kuasa dan struktur pentadbiran negeri (Mohamad & Adnan, 2024; Mohamad et al., 2021). Oleh itu, kajian masa depan harus menumpukan kepada pembangunan model pelaksanaan wakaf selepas kematian (wakaf amanah) yang lebih komprehensif. Model ini diharapkan dapat mempermudah penerapannya secara seragam di Malaysia dan meningkatkan potensinya sebagai alat sosio-ekonomi yang berdaya saing dalam kewangan Islam. Dengan sokongan undang-undang yang kukuh, bimbingan pentadbiran yang cekap, dan kesedaran masyarakat yang tinggi, wakaf bersyarat mampu membuka lembaran baharu dalam pengurusan harta Islam, menyumbang kepada pembangunan sosio-ekonomi yang mampan, serta memenuhi amanah dan niat suci pewakaf sesuai dengan prinsip syariah.

PENGHARGAAN

Kajian ini dibiayai oleh geran penyelidikan bertajuk "Pembangunan Model Wakaf Amanah Di Malaysia: Kajian Asas Terhadap Kelestarian Ekonomi Umat Islam (FRGSEC/1/2024/SSI03/UITM/02/15)". Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) kerana memperuntukkan dana untuk projek penyelidikan ini.

PENYATA KONFLIK KEPENTINGAN

Penulis bersetuju bahawa penyelidikan ini dijalankan tanpa sebarang konflik kepentingan diri, komersial atau kewangan dan mengisytiharkan ketiadaan kepentingan yang bercanggah dengan pembiayaan.

SUMBANGAN PENULIS

Ahmad Ikmaluddin Ibrahim: Konseptualisasi kajian, pembangunan rangka kerja teori, penulisan draf asal manuskrip, serta penyelarasan keseluruhan penyelidikan. Faezy Adenan: Reka bentuk metodologi, pengumpulan dan analisis data, serta sumbangan kepada penulisan bahagian metodologi dan dapatan kajian. Mohd Izzat Amsyar Mohd Arif: Sorotan literatur, pengesahan kandungan akademik, serta penulisan dan penambahbaikan bahagian perbincangan. Wan Noor Hazlina Wan Jusoh: Penyeliaan penyelidikan, semakan kritikal kandungan manuskrip, serta sumbangan kepada pemantapan hujah akademik. Mohd Afandi Mat Rani: Semakan substantif manuskrip, penyuntingan akhir, serta kelulusan versi akhir untuk penerbitan. Semua penulis telah membaca dan meluluskan versi akhir manuskrip.

PENGISYTIHARAN PENGGUNAAN AI

Tiada Penggunaan AI: Penulis mengesahkan bahawa tiada sebarang penggunaan alat AI dalam penjanaan kandungan artikel ini.

RUJUKAN

- Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., Mohamad Suhaimi, F., & Ab Rahim, S. F. (2024). Proposed temporary waqf model for family waqf implementation in Malaysia. *Journal of Islamic Accounting and Business Research*, 15(1), 56–78. <https://doi.org/10.1108/JIABR-04-2022-0098>
- Abdullah, A. T. (2019). *Rancang harta: Hibah, wakaf dan wasiat*. Pustaka Mizi.
- Abdullah, M. (2020). Islamic endowment (waqf) in India: Towards poverty reduction of Muslims in the country. *Journal of Research in Emerging Markets*, 2(2), 48–60. <https://doi.org/10.30585/jrems.v2i2.482>
- Abouzahra, A., Sabraoui, A., & Afdel, K. (2020). Model composition in model driven engineering: A systematic literature review. *Information and Software Technology*, 125, Article 106316. <https://doi.org/10.1016/j.infsof.2020.106316>
- Accounting and Auditing Organization for Islamic Financial Institutions. (2022). *Shari'ah Standard No. 33: Waqf*. <https://aaofi.com/ss-33-waqf/?lang=en>
- Azrai Azaimi Ambrose, A. H., & Abdullah Asuhaimi, F. (2021). Cash waqf risk management and perpetuity restriction conundrum. *ISRA International Journal of Islamic Finance*, 13(2), 162–176. <https://doi.org/10.1108/IJIF-12-2019-0187>
- Azrai Azaimi Ambrose, A. H., & Peredaryenko, M. S. (2022). Temporary waqf and perpetual benefit: A mathematical proof. *International Journal of Economics, Management and Accounting*, 30(1), 151–173. <https://doi.org/10.31436/ijema.v30i1.965>
- Badlihisham, N. A., & Md Salleh, M. F. (2024). Wakaf bertempoh (muaqqat): Satu cadangan pengiktirafan, pengukuran dan pendedahan dalam penyata kewangan. *International Journal of Advanced Research*, 12(6), 28–46. <https://doi.org/10.21474/IJAR01/18846>
- Baharudin, Z. N., & Bahri, S. (2023). Institusi perbankan Islam dalam membangun dana wakaf di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 9(1), 1–13. <https://doi.org/10.24191/jcis.v9i1.8>
- Braun, V., & Clarke, V. (2006). Using thematic analysis in psychology. *Qualitative Research in Psychology*, 3(2), 77–101. <https://doi.org/10.1191/1478088706qp063oa>
- Jafri, F. A., & Mohd Noor, A. (2019). Temporary waqf model for Islamic private retirement scheme in Malaysia: A proposal. *Journal of Islamic Finance*, 8(1), 23–35.
- Khalil, M. A. H. M., Ab Rahman, M. F., Abdullah Thaidi, H. A., & Ab. Rahman, A. (2020). Advantages of temporary waqf in combating the COVID-19 pandemic in Malaysia. *INSLA E-Proceedings*, 3(1),

167–180.

- Khan, A., Mohd Shafiai, M. H., Shaique, M., & Khan, S. (2022). Demographic determinants of charity donors and its implication for cash waqf institutions in Malaysia. *Journal of Islamic Marketing*, 13(2), 508–525. <https://doi.org/10.1108/JIMA-10-2019-0211>
- Listiana, L., & Masyita, D. (2020). Awqaf: Its ASEAN experiences and a lesson to learn. In M. M. S. Billah (Ed.), *Awqaf-led Islamic social finance: Innovative solutions to modern applications* (pp. 234–244). Routledge. <https://doi.org/10.4324/9780429356575-22>
- Lockwood, C., Munn, Z., & Porritt, K. (2015). Qualitative research synthesis: Methodological guidance for systematic reviewers utilizing meta-aggregation. *International Journal of Evidence-Based Healthcare*, 13(3), 179–187. <https://doi.org/10.1097/XEB.0000000000000062>
- Mahmud, M., Ariff, K., & Jamaludin, M. A. S. (2023). *Realization of waqf muaqqat through Islamic private trust: A critical analysis*. Maybank Islamic. <https://www.maybank.com/iwov-resources/pdf/islamic/learning-centre/realization-of-waqf-muaqqat.pdf>
- Mohaiyadin, N. M. H., Aman, A., Palil, M. R., & Said, S. M. (2022). Addressing accountability and transparency challenges in waqf management using blockchain technology. *Journal of Islamic Monetary Economics and Finance*, 8(Special Issue), 53–80. <https://doi.org/10.21098/jimf.v8i0.1413>
- Mohamad, M. R., & Adnan, A. A. (2024). Pendanaan wakaf menurusi wakaf bertempoh (muaqqat): Sorotan kajian di Negeri Terengganu. *International Journal of Islamic Products and Malay Civilization*, 3(1), 10–20.
- Mohamad, N. A., Laeba, M., & Hamdan, O. M. (2021). From “protection” and “preservation” to “development” and “right”: A new approach of objective of Shariah via waqf muaqqat. *Journal of Contemporary Business and Islamic Finance*, 1(1), 1–10.
- Mohamed Shaffril, H. A., Samsuddin, S. F., & Abu Samah, A. (2021). The ABC of systematic literature review: The basic methodological guidance for beginners. *Quality & Quantity*, 55(4), 1319–1346. <https://doi.org/10.1007/s11135-020-01059-6>
- Mohd Yusof, J. A., & Saiman, M. Z. (2024). The level of understanding on the importance of estate management among the Muslim community in Selangor. *Journal of Contemporary Islamic Studies*, 10(2), 1–17. <https://doi.org/10.24191/jcis.v10i2.9>
- Moher, D., Liberati, A., Tetzlaff, J., Altman, D. G., & The PRISMA Group. (2009). Preferred reporting items for systematic reviews and meta-analyses: The PRISMA statement. *PLoS Medicine*, 6(7), Article e1000097. <https://doi.org/10.1371/journal.pmed.1000097>
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *Systematic Reviews*, 10, Article 89. <https://doi.org/10.1186/s13643-021-01626-4>
- Ramli, A. M., Jalil, A., Hamdan, N., Mohd Noor, K., Othman, S. S., Rachmat Effendi, H. M., & Setiadi, E. (2022). Pengurusan dana wakaf tunai bagi pembangunan ekonomi umat Islam: Pengalaman Yayasan Wakaf Malaysia (YWM). *International Journal of Islamic Economics and Finance Research*, 5(1), 41–53. <https://doi.org/10.53840/ijiefer67>
- Rochani, A., & Puspitasari, A. Y. (2022). Teritori ruang komunal berbasis wakaf di permukiman kota: Studi kasus Kampung Kauman Semarang. *Jurnal Ilmiah Arsitektur*, 12(2), 106–115. <https://doi.org/10.32699/jiars.v12i2.3558>
- Solichin, N. M. (2022). Temporary waqf as a study of fiqh muamalah (juridical thoughts and possibility of its implementation). *Az-Zarqa': Jurnal Hukum Bisnis Islam*, 14(2), 243–260. <https://doi.org/10.14421/azzarqa.v14i2.2704>

- Soleh Ali Alfakir, A., Hussain Alnameh, A., & elDin ElSayfi, H. (2019). Mechanisms for funding temporary waqf and its role for social development. *International Journal of Fiqh and Usul Al-Fiqh Studies*, 3(2), 21–30. <https://doi.org/10.31436/ijfus.v3i2.152>
- Sukmana, R. (2020). Critical assessment of Islamic endowment funds (waqf) literature: Lesson for government and future directions. *Heliyon*, 6(10), Article e05074. <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2020.e05074>
- Thabith, M. B. M., & Mohamad, N. A. (2021). Waqf and its legal framework in Sri Lanka: A preliminary study. *Intellectual Discourse*, 29(2), 359–378. <https://doi.org/10.31436/id.v29i2.1788>
- Ulum, B. (2024). Cash waqf according to the views of four madzhab: Study of the book *Al-Fiqh Al-Islami wa Adillatuhu*. *Iqtishodia: Jurnal Ekonomi Syariah*, 9(2), 34–41. <https://doi.org/10.35897/iqtishodia.v9i2.1500>



© 2026 by the authors. Submitted for possible open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY SA) license (<https://creativecommons.org/licenses/by-sa/4.0/>).